

Headline	500 AGENSI DIPANGGIL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	646 cm ²
Journalist	Oleh Syed Aswan Syed Ali	AdValue	RM 22,183
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,549



**SUSULAN BH BONGKAR
PENIPUAN UMRAH, BADAL HAJI**

500 AGENSI DIPANGGIL

**// KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN** akan berdialog
dengan agensi pengendali bagi menangani
isu berkenaan Isnin depan

**// SESI TERTUTUP DUA HALA
BERTUJUAN** mendapatkan input peserta
industri dan pihak berkuasa bagi mencari
mekanisme penyelesaian jangka panjang

► BERITA MUKA 15

Headline	500 AGENSI DIPANGGIL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	646 cm ²
Journalist	Oleh Syed Aswan Syed Ali	AdValue	RM 22,183
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,549

SUSULAN BH BONGKAR PENIPUAN UMRAH, BADAL HAJI MURAH

Sesi tertutup dialog, taklimat 2 hala Isnin

» 500 agensi pengendali dipanggil cari jalan penyelesaian

Oleh Syed Azwan Syed Ali

syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lebih 500 agensi pengendali umrah dan haji di negara ini dipanggil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk sesi dialog dan taklimat pada Isnin ini bagi membincangkan isu penipuan umrah dan badal haji.

Sesi dialog itu dianjurkan Majlis Kawal Selia Umrah (MK-SU) yang dipengerusikan Kementerian berkenaan menerusi Bahagian Pelesenan Pelancongan. Ia bagi mencari penyelesaian berkesan dalam menangani kes penipuan umrah serta isu khidmat upah haji murah yang didedahkan akhbar ini sejak 22 Februari lalu.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, berkata sesi tertutup dua hala itu bertujuan mendapatkan input peserta industri dan pihak berkuasa bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Cari mekanisme penyelesaian

“Harapan kita adalah mencari mekanisme penyelesaian terbaik untuk jangka panjang. Kementerian juga memikul tanggungjawab melihat isu badal

haji yang dibangkitkan akhbar, baru-baru ini,” katanya, semalam.

Wartawan *BH* berlepas ke Makkah selama lima hari bermula 10 Februari lalu bagi menyasat dakwaan penipuan badal haji, selain memeriksa kos anggaran minimum untuk badal haji ketika nilai ringgit merosot.

Ia berikutan kebimbangan ramai pihak mengenai tawaran upah haji serendah RM1,500 yang didakwa menggunakan khidmat pelajar Malaysia di Tanah Suci sebagai pelaksana badal haji tanpa sebarang pemantauan.

Semakan *BH* menerusi temubual bersama penduduk Makkah, mutawif dan pelajar, mendapati jumlah upah itu tidak mencukupi selepas kejatuhan nilai ringgit, selain ada unsur keraguan dalam kesempurnaan pelaksanaannya.

Malah, Persatuan Pelajar Malaysia Makkah (PPMM) dan Persatuan Mahasiswa Malaysia Arab Saudi (PERSADA) Madinah menafikan ada pelajar negara ini mengambil serendah RM1,500 untuk upah haji, selain menyifatkannya sebagai penipuan.

Mas Ermieyati berkata, kementerian hanya ingin mem-

bantu mencari penyelesaian dalam isu badal haji kerana ia tidak membabitkan sebarang peruntukan undang-undang sedia ada.

Tiada pemantauan khas

Ketika ini, tawaran khidmat upah haji tidak tertakluk kepada peruntukan Akta Lembaga Tabung Haji 1995 dan Akta Industri Pelancongan 1992, menyebabkan ia boleh ditawarkan mana-mana pihak tanpa sebarang pemantauan.

Iklan upah haji serendah RM1,500 yang diragui kesahihannya menerusi poster dan kain rentang digantung pada pagar surau dan masjid, selain kawasan perumahan awam.

Maklum balas diterima daripada Lembaga Tabung Haji (TH) serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), mendapati isu itu di luar bidang kuasa mereka, manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula enggan mengulas.

Statistik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menunjukkan 1,478 kes penipuan berkaitan pakej umrah diterima sepanjang tahun lalu membabitkan anggaran kerugian mencecah RM6.8 juta.

Headline	500 AGENSI DIPANGGIL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	646 cm ²
Journalist	Oleh Syed Aswan Syed Ali	AdValue	RM 22,183
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,549

PERANGKAP UMRAH MURAH

// 93 kes penipuan umrah difail ke TTPM tempoh 3 bulan pertama 2014 babit tuntutan RM899,692

// 761 kes tuntutan penipuan difail tahun lalu babit kerugian RM4.37 juta

// Iman diguna mang pake RM1

KHIDMAT UPAH HAJI TIPU

RM1,500 SEORANG
bayaran ditawarkan-ejen tidak berdaftar

RM2,250 SEORANG
angguran kos minimum untuk urus badal haji

BH BONGKAI

TAWARAN KHIDMAT BADAL HAJI BAYARAN RENDAH diiklankan sekitar surau, masjid di negara... keraguan dengan Tabung Haji

BERITA MUKA 4

Laporan akhbar BH mengenai **isu penipuan umrah dan badal haji murah** pada 5 Mei 2014 dan 22 Februari lalu.



“**Harapan kita adalah mencari mekanisme penyelesaian terbaik untuk jangka panjang.** Kementerian juga memikul tanggungjawab melihat isu badal haji yang dibangkitkan akhbar, baru-baru ini”

Mas Ermieyati Samsudin,
Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan